

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 (28)

5 Oktober 2016
4 Muharam 1438

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 30/2016

PENILAIAN PRESTASI STAF SECARA DALAM TALIAN (ONLINE) TAHUN 2016 (e-LPPT / e-LNPT 360° / e-LNPT)

Dimaklumkan bahawa mengikut peraturan sedia ada Perkhidmatan Awam, Sistem Penilaian Prestasi merupakan instrumen penting dalam Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan untuk menilai pencapaian prestasi seseorang pegawai Perkhidmatan Awam. Bagi mencapai hasrat berkenaan, pelaksanaan Penilaian Prestasi Staf UTM akan dilaksanakan melalui sistem berikut:-

- a) e-LPPT - Penilaian Prestasi Secara Dalam Talian Untuk Staf Akademik.
- b) e-LNPT 360°- Penilaian Prestasi Secara Dalam Talian Untuk Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Gred 41 hingga Gred 54).
- c) e-LNPT - Penilaian Prestasi Secara Dalam Talian Untuk Staf Kumpulan Pelaksana Gred 40 dan ke Bawah (termasuk jawatan Tutor Gred DA41).

2. Bagi memastikan urusan penilaian prestasi tahunan dapat dilaksanakan mengikut jadual, berikut ialah jadual perancangan yang ditetapkan untuk makluman dan tindakan staf serta pihak yang berkaitan:

TARIKH	TINDAKAN
1 Oktober 2016 hingga 30 Oktober 2016	Mengenal pasti klasifikasi dan kelayakan pengisian borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan PYD/Pegawai Penilai oleh Pengurusan Sumber Manusia (PSM) Pusat Tanggungjawab (PTJ).

TARIKH	TINDAKAN
1 November 2016 hingga 30 November 2016	Pemakluman pelantikan Pegawai Penilai dan klasifikasi kepada PYD/PPP/PPK (termasuk urusan pindaan klasifikasi).
1 Disember 2016 hingga 31 Disember 2016	Pengisian borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan pengisian pencapaian kerja sebenar tahun 2016 (Sasaran Kerja Tahunan (SKT)) / <i>Key Amal Indicator (KAI)</i>) secara <i>online</i> oleh PYD.
1 Januari 2017 hingga 14 Januari 2017	a) Pengesahan maklumat penerbitan oleh Perpustakaan dan webometric oleh Pejabat Hal Ehwal Korporat (Unit Pembangunan Web) (eLPPT). b) Penilaian dan pengisian markah 360 ⁰ oleh Pegawai Penilai Rakan Sekerja (PPR) dan Pegawai Penilai Subordinat (PPS)(eLNPT 360 ⁰).
15 Januari 2017 hingga 4 Februari 2017	a) Penilaian dan pengisian markah oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP). b) Pemakluman markah oleh PPP kepada PYD.
5 Februari 2017 hingga 11 Februari 2017	a) Pengesahan / rayuan / pembetulan markah oleh PYD. b) Semakan status penilaian PPP oleh PSM PTJ.
12 Februari 2017 hingga 3 Mac 2016	Penilaian dan pengisian markah oleh Pegawai Penilai Kedua (PPK).
4 Mac 2017 hingga 10 Mac 2017	Semakan status penilaian PYD, PPP, PPR dan PPS oleh PSM PTJ.

TARIKH	TINDAKAN
Mac 2017	a) Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) PTJ. b) Penyediaan dan penghantaran maklumat untuk PPSM Universiti.
Mac / April 2017	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Universiti.

Nota :

- PYD : Pegawai Yang Dinilai
- PPP : Pegawai Penilai Pertama
- PPK : Pegawai Penilai Kedua
- PPR : Pegawai Penilai Rakan Sekerja
- PPS : Pegawai Penilai Subordinat
- PSM : Pengurusan Sumber Manusia
- PTJ : Pusat Tanggungjawab
- PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

3. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab bagi setiap staf termasuk yang tidak memilih Sistem Saraan Malaysia untuk mematuhi peraturan dengan mengisi dan melengkapkan borang e-LPPT / e-LNPT 360⁰ / e-LNPT 2016. Borang yang telah siap diisi oleh Pegawai Yang Dinilai (PYD) hendaklah dikemuka secara online kepada Pegawai Penilai.


4. Kerjasama daripada semua pihak amatlah diperlukan bagi keseragaman tempoh penyelesaian proses keputusan markah supaya memudahkan beberapa urusan penting seperti kenaikan gaji tahunan, kenaikan pangkat, temuduga, pengesahan jawatan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, semua Fakulti / Bahagian adalah bertanggungjawab untuk memastikan jadual perancangan Penilaian Prestasi Tahunan Staf dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

5. Sila ambil perhatian bahawa setiap staf adalah tidak dikecualikan daripada mengisi dan melengkapkan borang e-LPPT/e-LNPT 360° /e-LNPT termasuklah juga bagi staf yang telah berada di tahap matagaji maksimum atau sebagainya. Staf yang tidak mengisi borang dan tidak menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), masing-masing boleh disifatkan sebagai melanggar peraturan semasa dan tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas staf berkenaan.
6. Tindakan juga akan dikenakan kepada mana-mana PPP/PPK/PPR/PPS yang gagal menyelesaikan penilaian yang dipertanggungjawabkan.

Sekian, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k. - YBhg. Datuk Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
- Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
- Bendahari
- Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
- Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

No. Siri Dokumen: 20161005239